

Usul (62) Riwayat-riwayat yang menyebutkan larangan Rasulullah s.a.w. daripada memakan, meminum sesuatu atau melakukan sesuatu perkara kerana ia mewarisi (menyebabkan) penyakit tertentu atau malapetaka tertentu akan menimpa pelakunya, terutama apabila digunakan perkataan يُورِثُ untuknya. Ia sama ada maudhu' atau paling baik pun dha'if sangat.

Antara contoh yang tepat untuk usul ke-62 ini ialah empat hadits yang akan dikemukakan di bawah nanti.

Contoh Pertama:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ دَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ سَخَّنَتْ مَاءً فِي الشَّمْسِ فَقَالَ لَا تَفْعَلِي يَا حُمَيْرَاءُ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ.

Bermaksud: 'Aaishah meriwayatkan, katanya: Pernah Rasulullah s.a.w. masuk ke rumah, ketika itu aku telah memanaskan air di bawah sinar matahari yang panas, terus Baginda bersabda: "Jangan engkau lakukan (begitu) wahai Humaira', kerana ia mewarisi (mempesakai) penyakit sopak."

Rujukan:

Ad-Daraquthni – Sunan ad-Daraquthni j.1 m/s 50 & Gharā'ib Malik m/s 24, al-Baihaqi – as-Sunan al-Kubra j.1 m/s 20, Ibnu al-Jauzi – at-Taḥqīq Fi Ahādīth al-Khilāf j.1 m/s 59 & al-Maudhū'āt j.2 m/s 79, Ibnu 'Adi – al-Kāmil j.3 m/s 912, Ibnu al-Mulaqqin – al-Badrul Munīr j.1 m/s 421-429 & Tuḥfatul Muḥtāj j.1 m/s 140-141, as-Suyuthi – al-La'ālī' al-Mashnū'ah j.2 m/s 5-7, asy-Syaukani – al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 8, Ibnu 'Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 68, al-Albāni – Irwā'ul Ghalīl j.1 m/s 50.

Komentar:

(1) Riwayat di atas telah dikemukakan oleh ad-Daraquthni dengan sanad berikut:

حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَآخَرُونَ قَالُوا ، حَدَّثَنَا سَعْدَانُ بْنُ نَصْرِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْمَخْزُومِيُّ ، قَالَ : حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ ...

Setelah mengemukakannya beliau berkata, "Sangat ganjil (غريب جدا). Khalid bin Isma'il matrūk".

(2) Selain hadits di atas, ad-Daraquthni juga mengemukakan satu lagi hadits daripada 'Aaishah, walaupun lafaznya sedikit berbeza, tetapi mafhumnya tetap sama. Lihat riwayat berkenaan lengkap dengan sanadnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْفَتْحِ الْقَلَانِسِيُّ ، قَالَ : حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ سَعِيدِ الْبَرَّارِ ، قَالَ : حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مُحَمَّدٍ الْأَعْسَمُ ، قَالَ : حَدَّثَنَا فُلَيْحٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُتَوَضَّأَ بِالْمَاءِ الْمُشْتَمِسِ أَوْ يُغْتَسَلَ بِهِ وَقَالَ إِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ.

Bermaksud: Kata 'Aaishah, "Rasulullah s.a.w. melarang daripada berwudhu' dengan air musyammas (air yang panas kerana terkena sinaran matahari yang panas), atau mandi dengannya, dan Baginda bersabda, kerana ia mewarisi penyakit sopak."

Setelah mengemukakannya ad-Daraquthni berkata, "Amar bin Muhammad al-A'sam mungkar haditsnya (منكر الحديث). Selain dia tidak ada orang lain meriwayatkannya daripada Fulaiḥ, dan ia tidak sahih daripada az-Zuhri.

(3) Hadits di atas dengan sedikit perbezaan pada lafaznya diriwayatkan juga oleh ad-Daraquthni daripada 'Aaishah di dalam "Gharā'ib Malik".

سَخَّنْتُ لِرَسُولِ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) مَاءً فِي الشَّمْسِ يَغْتَسِلُ بِهِ فَقَالَ: لَا تَفْعَلِي يَا حُمَيْرَاءُ فَإِنَّهُ يُوْرِثُ الْبَرَصَ

Bermaksud; Aku telah memanaskan air di bawah sinaran matahari yang panas untuk dibuat mandi oleh Rasulullah s.a.w. maka Baginda berabda: "Jangan engkau lakukan (begitu) wahai Ḥumairā', kerana ia mewarisi (menyebabkan) penyakit sopak."

Di bawah ini adalah sanadnya:

عن أبي نصر محمد بن أحمد بن عثمان بن العنبر ثنا أبو أحمد محمد بن محمد بن إبراهيم بن حماد الوركاني الإسفرائيني ثنا أبو بكر محمد بن إبراهيم بن الجنيد عن إسماعيل بن عمر الكوفي عن ابن وهب عن مالك عن هشام عن أبيه عن عائشة (رضي الله عنها).

Setelah mengemukakannya ad-Daraquthni berkata, "Ini adalah hadits karut. Perawi-perawi di bawah Ibnu Wahab adalah orang-orang yang dha'if."

(4) Ibnu al-Jauzi di dalam at-Taḥqīq Fi Aḥādīṡ al-Khilāf dan al-Maudhū'āt, demikian juga Ibnu al-Mulaqqin di dalam al-Badrul Munīr dan Tuḥfatul Muḥtāj telah membincangkan hadits-hadits tentang air musyammas dengan panjang lebar dan lebih terperinci lagi.

Di bawah ini penulis bawakan beberapa thuruq (saluran) riwayatnya sebagaimana tersebut di dalam kitab-kitab dua tokoh tersebut di samping komentar mereka terhadap perawi-perawinya.

Kata Ibnu al-Jauzi, hadits `Aaishah ada empat thuruqnya (saluran riwayatnya):

الطَّرِيقُ الْأَوَّلُ

39 - أَخْبَرَنَا بِهِ مُحَمَّدُ بْنُ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ نَصْرِ قَالَ أَنْبَأَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَلِيٍّ بْنُ زَكَرِيَّا أَنْبَأَنَا عَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ بِشْرَانَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ مُحَمَّدٍ الصَّفَّارُ حَدَّثَنَا سَعْدَانُ بْنُ نَصْرِ حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ أَسْحَنْتُ مَاءً فِي الشَّمْسِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَغْعَلِي يَا حَمِيرَاءُ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ

الطَّرِيقُ الثَّانِي

40 - أَنْبَأَنَا الْمُبَارَكُ بْنُ أَحْمَدَ الْأَنْصَارِيُّ حَدَّثَنَا ثَابِتُ بْنُ بُذَارٍ حَدَّثَنَا أَبُو حَامِدٍ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْقَاضِي قَالَ حَدَّثَنَا الدَّارُقُطْنِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْفَتْحِ الْقَلَانِسِيُّ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ بْنِ نَاصِحٍ حَدَّثَنَا الْهَيْثَمُ بْنُ عَدِيٍّ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ الْحَدِيثِ الَّذِي قَبْلَهُ

الطَّرِيقُ الثَّلَاثُ

41 - أَخْبَرَنَا ابْنُ عَبْدِ الْخَالِقِ أَنْبَأَنَا أَبُو طَاهِرٍ بْنُ يُونُسَ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ بِشْرَانَ حَدَّثَنَا الدَّارُقُطْنِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْفَتْحِ الْقَلَانِسِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ سَعِيدِ الْبَزَّازِ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ مُحَمَّدٍ الْأَعْظَمِ حَدَّثَنَا فُلَيْحٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُتَوَضَّأَ بِالْمَاءِ الْمُسْمَسِ أَوْ يَغْتَسِلَ بِهِ وَقَالَ إِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ

الطَّرِيقُ الرَّابِعُ

42 - أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ أَبِي طَاهِرٍ أَنْبَأَنَا أَبُو مُحَمَّدٍ الْجَوْهَرِيُّ عَنِ الدَّارُقُطْنِيِّ عَنْ أَبِي حَاتِمِ بْنِ جَبَّانٍ الْخَافِضِ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ سِنَانَ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْفَضْلِ الصَّانِعِ حَدَّثَنَا نُوْحُ بْنُ الْهَيْثَمِ حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ وَهْبٍ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ أَسْحَنْتُ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَاءً فِي الشَّمْسِ فَقَالَ لَا تَعُودِي يَا حَمِيرَاءُ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ.

Di bawah ini pula adalah hadits Anas:

43 - فَأَنْبَأَنَا عَبْدُ الْوَهَّابُ بْنُ الْمُبَارَكِ الْخَافِضُ أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُطَفَّرِ أَنْبَأَنَا أَبُو الْحَسَنِ الْعَتِيقِيُّ حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ الْخَلِيلِ حَدَّثَنَا الْعُقَيْلِيُّ حَدَّثَنَا صَالِحُ بْنُ شُعَيْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زُرَّارَةَ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ هَاشِمٍ الْكُوفِيُّ حَدَّثَنَا سَوَادَةُ عَنْ أَنَسٍ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَا تَغْتَسِلُوا بِالْمَاءِ الَّذِي يُسْحَنُ فِي الشَّمْسِ فَإِنَّهُ يُعْطِي مِنَ الْبَرَصِ.

Setelah mengemukakan semuanya Ibnu al-Jauzi berkata, "Semua riwayat yang tersebut ini tidak sahih daripada Rasulullah s.a.w. Di dalam saluran pertama riwayat 'Aaishah terdapat Khalid bin Isma'il. Kata Ibnu 'Adi al-Ĥāfīz, "Dia mengada-ngadakan hadits atas nama orang-orang Islam yang tsiqāt." Abu Haatim bin Ĥibbān al-Ĥāfīz berkata tentangnya, "Sama sekali tidak boleh dijadikan hujah." ad-Daaraquthni (sendiri) pula berkata, "Dia perawi matrūk."

Selain ad-Daaraquthni dan Ibnu al-Jauzi, saluran pertama riwayat 'Aaishah ini diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi di dalam Sunannya, Ibnu 'Adi di dalam al-Kāmilnya dan Abu Nu'aim di dalam at-Thibbnya dengan sanad masing-masing sampai kepada Khalid ini.

Ibnu al-Mulaqqin memperakui apa yang telah disebutkan oleh Ibnu al-Jauzi sebelumnya. Beliau bahkan menambah kata-kata seorang lagi tokoh 'ulama' hadits tentang Khalid bin Isma'il. Katanya, al-Azdi berkata: "Pendusta besar, dia meriwayatkan hadits-hadits dusta daripada perawi-perawi tsiqāt."

Di dalam saluran kedua hadits 'Aaishah ada perawi bernama al-Haitsam bin 'Adi. Kata Yahya bin Ma'īn, "Dia selalu berdusta." An-Nasaa'i dan ar-Rāzi pula berkata, "Matrūkul ḥadīths." Sementara as-Sa'di pula berkata, "Perawi jatuh atau gugur (ساقط), topengnya telah pun terbuka." Perawi ساقط adalah lafaz jarḥ teruk yang menunjukkan seseorang perawi itu sangat-sangat lemah dan riwayatnya langsung tidak boleh dijadikan hujah. Abu Daud pula berkata, "Pendusta besar."

Di dalam saluran ketiga riwayat 'Aaishah terdapat perawi bernama 'Amar bin al-A'sam. Kata ad-Daaraquthni, "Tidak ada orang lain meriwayatkannya daripada Fulaiḥ kecuali dia, sedangkan dia perawi munkarul ḥadīths." Ibnu Hibbaan pula berkata tentangnya, "Dia meriwayatkan hadits-hadits mungkar daripada perawi-perawi tsiqāt. Dia juga mengada-ngadakan nama-nama untuk para muḥadditsīn. Tidak harus sama sekali berhujah dengan riwayatnya."

Di dalam saluran keempat riwayat 'Aaishah pula terdapat Wahab bin Wahab. Dia merupakan salah seorang kepala pendusta. Abu Bakar bin 'Ayyāsy, Ibnu al-Madīni dan Abu Haatim mengatakan dia pendusta besar. Ahmad bin Hambal berkata tentangnya, "Pendusta besar yang mengada-ngadakan hadits." Yahya bin Ma'īn pula berkata, "Dia

adalah seorang pendusta besar yang jahat, kebanyakan waktu malamnya dihabiskan untuk mengada-ngadakan (mereka) hadits.”

‘Utsman bin Abi Syaibah berkata, “Itulah dajjal.” As-Sa’di berkata, “Dia selalu berdusta dan menyebarkannya.” ‘Amar bin ‘Ali al-Fallās berkata, “Dia selalu berdusta dan menyebarkan hadits-hadits yang tiada asalnya.” Ad-Daaraquthni pula berkata, “Pendusta besar dan perawi matrūk.”

Ibnu al-Mulaqqin di dalam al-Badru al-Munīr menambahkan lagi ma’lumat tentang Wahab bin Wahab itu. Katanya, “Wahab bin Wahab bin Kabīr bin ‘Abdillāh bin Zam’ah bin al-Aswad bin al-Mutthalib bin ‘Abdil ‘Uzza bin Qushai, Abul Bakhtari. Dia pernah menjadi qadhi di Baghdad.” Lalu beliau (Ibnu al-Mulaqqin) menukilkan apa yang telah dinukilkan oleh Ibnu al-Jauzi sebelum ini. Kemudian menambahkan, “Muslim dan an-Nasaa’i mengatakan dia matrūkul hadits.” Ad-Daaraquthni menambahkan, “dan pendusta besar.” Al-‘Uqaili pula berkata, “Aku tidak mengetahui ada satu pun haditsnya yang betul, semuanya karut.”

Di dalam sanad hadits Anas pula ada Sawādah, seorang perawi majhūl. Di dalamnya juga ada ‘Ali bin Hasyim. Kata Ibnu Hibbaan tentangnya, “Dia meriwayatkan hadits-hadits mungkar daripada perawi-perawi masyhur.”

Ibnu al-Mulaqqin di dalam al-Badru al-Munīr berkata, “Terdapat dua saluran riwayat daripada Anas. Pertamanya daripada Sawādah daripada Anas bahawa dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَغْتَسِلُوا (بِالْمَاءِ) الَّذِي يُسَخَّنُ فِي الشَّمْسِ، فَإِنَّهُ يُغْدِي مِنَ الْبَرَصِ

Bermaksud: Jangan kamu mandi menggunakan air yang dipanaskan di bawah sinar panas matahari, kerana ia mengakibatkan penyakit sopak.

Hadits ini diriwayatkan oleh al-‘Uqaili dan lain-lain daripada hadits ‘Ali bin Hasyim al-Kufi daripada Sawādah. Kemudian al-‘Uqaili berkata, “Sawādah majhūl, haditsnya tidak mahfūzh. Bukhari berkata, “‘Ali dan ayahnya Hasyim adalah pelampau Syi’ah.” Ibnu Hibbaan juga berkata ‘Ali pelampau Syi’ah dan dia meriwayatkan hadits-hadits mungkar daripada perawi-perawi yang masyhur.

Saluran kedua riwayat Anas pula daripada Zakariya bin Ḥakīm daripada asy-Sya'bi daripada Anas. Kata Anas, Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا تَغْسِلُوا صِبْيَانَكُمْ بِالْمَاءِ الَّذِي يُسَخَّنُ بِالشَّمْسِ، فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ

Bermaksud: Jangan kamu mandikan anak-anakmu dengan air yang dipanaskan dengan matahari, kerana ia mewarisi (menyebabkan) penyakit sopak.

Hadits ini diriwayatkan oleh ad-Daaraquthni di dalam Afrād-nya. Ia adalah satu saluran riwayat yang sangat ganjil. Kata ad-Daaraquthni, “Zakariya bin Ḥakīm bersendirian dalam meriwayatkannya daripada asy-Sya'bi. Tidak ada orang yang meriwayatkan hadits ini daripadanya selain Abu al-Yasa' Ayyub bin Sulaiman.

Kata Ibnu al-Mulaqqin, “Zakariya ini seorang perawi yang dha'if sekali. Imam Ahmad dan Yahya berkata tentangnya, “Tiada langsung nilainya.” Demikian juga kata an-Nasaa'i. 'Ali pula berkata, “Seorang perawi punah.”

Abu al-Yasa' Ayyub bin Sulaiman pula seorang perawi buta. Kata al-Azdi, “Dia bukan hujjah.”

(5) Ibnu al-Mulaqqin di dalam al-Badru al-Munīr juga ada menyebutkan satu hadits daripada Ibnu 'Abbaas berhubung dengan perkara ini. Kononnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda begini:

مَنْ اغْتَسَلَ (بِمَاءٍ مَشْمُسٍ) ، فَأَصَابَهُ وَضَحٌ ، فَلَا يُلَوِّمَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ

Bermaksud: Sesiapa yang mandi dengan air musyammas (air yang dipanaskan dengan sinaran panas matahari), lalu ia terkena penyakit sopak, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri.

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Mulaqqin berkata, “Hadits ini sangat ganjil. Ia sama sekali tidak terdapat di dalam keempat-empat kitab Sunan, apalagi di dalam dua kitab sahih (Bukhari dan Muslim). Tidak terdapat juga di dalam kedua-dua kitab al-Baihaqi As-Sunan dan al-Ma'rifah. Ia tidak juga terdapat di dalam kitab-kitab ad-Daaraquthni seperti Sunannya dan 'Ilalnya, dan juga di dalam kitab-kitab Musnad, sejauh pemeriksaan saya selama lebih sepuluh tahun. Saya juga telah bertanya tentangnya

kepada beberapa orang hafizh hadits di Mesir, Palestin, dan Dimasyq, tetapi tiada siapa pun daripada mereka megetahuinya.”

Kata Ibnu al-Mulaqqin selanjutnya, “Saya hanya menemuinya di akhir juzu’ kelima Masyakhah (مَشِيخَة) Qadhi al-Marastan. Begini isnad dan lafaz hadits selengkapnya:

وَقَدْ أَخْبَرَنَا بِهَا: الْمُسْنِدُ، أَبُو عَبْدِ اللَّهِ، مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ (خَالِدِ) الْفَارَقِيِّ، أَنَا الْعِرَاقِيُّ الْخَرَّائِي سَمَاعًا، وَالنَّجِيبُ إِجَازَةً، أَخْبَرَنَا ابْنُ الْخُرَيْفِ، ضِيَاءُ (الدِّينِ) بْنُ أَبِي الْقَاسِمِ، سَمَاعًا، أَنَا الْقَاضِي أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْبَاقِيِّ الْبَرْزَازِ، الْمَغْرُوفُ بِقَاضِي الْمَرَسْتَانِ، أَنَا أَبُو الْحَسَنِ عَلِيُّ بْنُ جَامِعِ النَّيْسَابُورِيِّ، أَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ عَبْدِ رِيهِ، أَنَا أَبُو مُسْلِمٍ فَارَسُ بْنُ الْمُظْفَرِ بْنِ غَالِبٍ، أَنَا (أَبُو عَمْرِو مُحَمَّدٍ) بْنُ عَمْرِو بْنِ أَحْمَدَ الْمُقْرِيِّ، أَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ الْعَبَّاسِ الْإِسْمَاعِيلِيِّ، أَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ هَارُونَ بْنِ حَمِيدٍ بْنِ [الْمَجْدَرِ]، وَثَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَيْمُونِ الْبَصْرِيِّ، ثَنَا عَلِيُّ بْنُ (الْحَسَنِ) بْنِ يَعْمَرَ، عَنْ عُمَرَ بْنِ (صُبْحٍ)، عَنْ مِقَاتِلِ بْنِ حَيَّانٍ، عَنْ الصُّبْحَاكِ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ: «مَنْ اخْتَجَمَ يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ، أَوْ السَّبْتِ، فَأَصَابَهُ دَاءٌ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ، وَمَنْ اغْتَسَلَ (بِالْمَشْمَسِ) فَأَصَابَهُ وَضَحٌّ، فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ، وَمَنْ بَالَ فِي مَسْتَنْقَعٍ، مَوْضِعَ وَضُوئِهِ، فَأَصَابَهُ وَسْوَاسٌ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ، وَمَنْ تَعَرَّى فِي غَيْرِ كَيْفٍ، فَخُسِفَ بِهِ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ، وَمَنْ نَامَ وَفِي يَدِهِ عَمَرُ الطَّعَامِ، فَأَصَابَهُ لَمَمٌ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ، وَمَنْ نَامَ بَعْدَ الْعَصْرِ، فَاخْتَلَسَ عَقْلَهُ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ، وَمَنْ شَبَّكَ فِي صَلَاتِهِ، فَأَصَابَهُ زَجِيرٌ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ» .

Bermaksud: Daripada Ibnu `Abbaas, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa berbekam pada hari Rabu atau hari Sabtu, lalu sesuatu penyakit menyimpannya, maka janganlah ia sekali-kali mencela kecuali dirinya sendiri. Sesiapa yang mandi dengan air musyammas (air yang dipanaskan dengan sinaran panas matahari), lalu ia terkena penyakit sopak, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri. Sesiapa kencing di dalam lopak tempat ia berwudhu’, lalu ia terkena penyakit waswas, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri. Sesiapa yang bertelanjang bukan pada tempat tertutup, lalu ia ditelan bumi, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri. Sesiapa yang tidur sedangkan di tangannya ada kesan-kesan makanan, lalu ia menjadi tidak siuman, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri. Sesiapa yang tidur selepas `Ashar, lalu hilang akal, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri. Sesiapa yang melakukan tasybik (menjalinkan jari-jemari) dalam shalatnya, lalu ia mencirit, maka janganlah sekali-kali ia mencela kecuali dirinya sendiri.”

Setelah mengemukakannya Ibnu al-Mulaqqin berkata, “Sebuah hadits yang lemah. `Umar bin Subuh seorang pendusta besar. Dia sendiri mengaku telah mengada-

ngadakan hadits. Dhaḥḥāk pula tidak pernah menemui Ibnu 'Abbaas. Ibnu al-Mujaddar meskipun dikatakan perawi shadūq, namun ia juga terkenal sebagai perawi Nāshibi yang menyeleweng daripada kebenaran.

(6) Hadits-hadits di atas tanpa melihat kepada sanadnya sekalipun dapat dikesan kepalsuannya melalui matan haditsnya. Ia terbukti bercanggah dengan kenyataan. Kenyataan tidak pernah membenarkannya. Mana ada orang menjadi sopak semata-mata kerana selalu menggunakan air musyammas, sama ada untuk berwudhu' atau untuk mandi?!

(7) Orang-orang yang memilih menerimanya juga - walaupun telah mengetahui ia tidak sahih dan paling baik pun ia sangat dha'if – terpaksa menta'wilkannya dengan bermacam-macam ta'wilan. Antaranya ialah:

(i) Jika dijadikan sebagai amalan kebiasaan.

(ii) Jika air yang terkena panas matahari itu terletak dalam bekas yang meluntur atau mencair seperti tembaga, besi dan lain-lain, kecuali bekas daripada emas atau perak.

(iii) Akibat itu khusus dengan tanah Ḥijāz atau kawasan-kawasan yang bersangatan panas sahaja, kerana kepanasan yang luar biasa di sana.

(iv) Doktor-doktor di zaman itu berpendapat ia boleh menyebabkan penyakit sopak, maka Nabi s.a.w. juga berkata seperti mereka.

(v) Tidak ada kepastian tentangnya, yang ada hanyalah sangkaan atau kebimbangan akan berlaku sopak sahaja.

(vi) Yang dilarang ialah menggunakannya dalam keadaan masih panas. Dalam keadaan telah sejuk pula tidak terlarang menurut sesetengah orang, tetapi tetap terlarang menurut sesetengah yang lain pula.

(8) Boleh dikatakan semua 'ulama' hadits menerima bahawa tidak ada satu pun hadits musnad yang sahih atau pun hasan berhubung dengan larangan menggunakan air musyammas dan ada pula akibat buruk daripadanya berupa penyakit sopak. Tetapi ada segelintir 'ulama' berpendapat hadits mauqūf daripada 'Umar sahih. Kandungannya sama juga dengan hadits-hadits marfu' yang telah dikemukakan di atas.

Hadits atau atsar `Umar itu dianggap mereka sebagai mauqūf yang hukumnya sama seperti (hadits) marfū' (موقوف في حكم المرفوع), atau kalau tidak begitu pun sudah boleh juga ia dijadikan alasan untuk hukum, kerana ia merupakan kata-kata seorang Khalifah Rāsyid. Hukum yang disimpulkan daripadanya tidaklah sampai ke peringkat haram, tetapi makrūh sahaja. Makruhnya pula bukanlah sampai ke peringkat tahrīmi malah tanzīhi sahaja.

Itulah sebabnya menurut qaul yang ashaḥ dalam mazhab Syafi'e, hukum menggunakan air musyammas untuk apa sekalipun adalah makrūh.

(9) Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut, mari kita lihat terlebih dahulu atsar `Umar yang dimaksudkan itu. Ia telah diriwayatkan melalui dua saluran riwayat.

Pertama, saluran asy-Syafi'e di dalam al-Umm, kata beliau:

أَخْبَرَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ عَنْ صَنْدَقَةَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عُمَرَ كَانَ يَكْرَهُ الْإِغْتِسَالَ بِالْمَاءِ الْمُشْتَمْسِ وَقَالَ: إِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ.

Bermaksud: Jabir bin `Abdillah meriwayatkan bahawa `Umar melarang mandi dengan air musyammas. Kata beliau, "Ia mewarisi penyakit sopak." (Asy-Syafi'e – al-Umm j.1 m/s 16).

Dengan sanad ini juga al-Baihaqi mengemukakannya di dalam as-Sunan al-Kubra dan Ma`rifatu as-Sunannya. (Lihat as-Sunan al-Kubra j.1 m/s 19, Ma`rifatu as-Sunan Wa al-Aatsār j.1 m/s 233).

Kedua, daripada saluran riwayat Isma'il bin `Ayyāsy daripada Shafwān bin `Amar daripada Ḥassān bin Azhar, katanya: `Umar bin al-Khatthāb berkata:

حَدَّثَنَا أَبُو سَهْلٍ بْنُ زِيَادٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ الْحَرَبِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا دَاوُدُ بْنُ رُسَيْدٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ عِيَّاشٍ قَالَ حَدَّثَنِي صَفْوَانُ بْنُ عَمْرٍو عَنْ حَسَّانَ بْنِ أَزْهَرَ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ قَالَ لَا تَغْتَسِلُوا بِالْمَاءِ الْمُشْتَمْسِ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ.

Bermaksud: Jangan kamu mandi dengan air musyammas, kerana ia mewarisi penyakit sopak. (Ad-Daaraquthni – as-Sunan j.1 m/s 52, Al-Baihaqi - as-Sunan al-Kubra j.1 m/s 19-20, Ma`rifatu as-Sunan Wa al-Aatsār j.1 m/s 234).

Walaupun atsar pertama 'Umar datangnya melalui saluran riwayat asy-Syafi'e, seorang imam agung umat Islam, namun itu tidak menjamin kesahihannya. Imam an-Nawawi di dalam al-Majmū' (j.1 m/s 133) berkata, "Hadits ini juga dha'if dengan kesepakatan para muhadditsīn." Adz-Dzahabi berkata, "Ibrahim (guru Imam asy-Syafi'e) lemah." Hafizh Ibnu Hajar pula di dalam at-Talkhīsh (j.1 m/s 22) berkata, "Shadaqah dha'if."

Bukan seorang dua 'ulama' hadits mengatakan Ibrahim bin Muhammad bin Abi Yahya al-Aslami ini matrūk, dan bukan seorang dua pula 'ulama' hadits mengatakan dia pendusta besar. Antara tokoh yang mengatakan dia matruk ialah 'Abdullah bin al-Mubarak, Ahmad bin Hambal, an-Nasaa'i, ad-Daraquthni, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain. Antara tokoh 'ulama' hadits yang mengatakan dia pendusta besar pula ialah Imam Malik, Yahya bin Sa'id al-Qatthān, Yahya bin Ma'in, 'Ali bin al-Madīni, Ibnu Hibbaan dan lain-lain.

Ibrahim bin Muhammad juga dikatakan berfahaman Qadariah, Jahmiyyah dan Syi'ah. Kerana itu riwayatnya tidak boleh diterima. Antara tokoh yang mengatakan dia ahli bid'ah dalam 'aqidah kerana berfahaman Qadariah, Jahmiyyah dan Syi'ah ialah Imam Ahmad, Bukhari, Yahya bin Ma'in, 'Ali bin al-Madini, Abu Daud, Ibnu Hibbaan dan Imam Syafi'e sendiri.

Isnad saluran pertama atsar 'Umar itu sebenarnya mengandungi tiga 'illat besar yang menghalangnya daripada dianggap sahih atau hasan:

(i) Ibrahim bin Muhammad bin Abi Yahya al-Aslami yang cukup bermasalah, sehingga sekian ramai 'ulama' hadits menganggapnya sebagai matrūk atau pendusta besar.

(ii) Shadaqah bin 'Abdillah, iaitu Abu Mu'aawiah as-Samīn. Imam Ahmad, Yahya bin Ma'in, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain mengatakan dia dha'if. Imam Ahmad dan Bukhari bahkan mengatakan dia dha'if sangat.

(iii) Abu az-Zubair telah meriwayatkannya secara 'an'anah, sedangkan dia seorang perawi mudallis.

Saluran riwayat kedua atsar 'Umar juga tidak sahih, meskipun ia dianggap terbaik oleh sesetengah orang, kerana ad-Daraquthni dan al-Baihaqi tidak membuat apa-apa

komentar terhadapnya. Namun Ibnu at-Turkemani menganggap ia ber'illat kerana di dalam isnadnya terdapat Isma'il bin 'Ayyāsy, seorang perawi dha'if.

Alasan Ibnu at-Turkemani itu dibantah oleh kebanyakan 'ulama', kerana Isma'il bin 'Ayyāsy tidak dha'if secara mutlaq. Dia hanya dianggap dha'if apabila meriwayatkan hadits daripada perawi-perawi bukan dari kalangan orang-orang Syam. Adapun jika dia meriwayatkan hadits daripada orang senegeri dengannya iaitu Syam, maka dia tidak dha'if.

Imam Bukhari dan lain-lain imam hadits menganggap hadits-hadits Isma'il bin 'Ayyāsy daripada orang-orang senegeri dengannya iaitu Syam adalah sahih, bukan dha'if. Ternyata hadits itu diriwayatkannya daripada orang Syam, orang senegeri dengannya, Shafwān bin 'Amar. Dia pula tidak bersendirian dalam meriwayatkannya daripada Shafwān, malah ada mutābi'nya bernama al-Mughīrah bin 'Abdil Quddūs. Demikianlah disebutkan oleh az-Zaila'i di dalam Nashbu ar-Rāyah dan Ibnu al-Mulaqqin di dalam al-Badru al-Munīr.

Sebenarnya kelemahan atsar 'Umar itu tidaklah kerana dha'ifnya Isma'il bin 'Ayyāsy dalam meriwayatkannya daripada Shafwān bin 'Amar, apalagi setelah ada mutābi'nya al-Mughīrah bin 'Abdil Quddūs seorang perawi tsiqah, tetapi ia lemah kerana perawi di atasnya Ḥassān bin Azhar.

Tidak ada orang lain selain Ibnu Hibbaan menyebutkan biodatanya. Ibnu Hibbaan pula terkenal dengan sikap tasāhulnya dalam mentsiqahkan seseorang perawi. Ḥassān hanya diketahui Ibnu Hibbaan melalui isnad riwayat tersebut sahaja. Ibnu Hibbaan juga tidaklah menyebutkan dengan jelas tentang ketsiqahannya.

Di dalam nuskah Kitab ats-Tsiqāt Ibnu Hibbaan sendiri yang terdapat dalam asy-Syāmilah hari ini pun tidak terdapat biodata Ḥassān bin Azhar itu bersama hadits yang dikatakan telah diriwayatkan olehnya itu. Semua ini menimbulkan keraguan. Jadi bagaimana kita hendak berpegang dengan suatu riwayat yang tidak wujud pun di dalam kitab asal yang dida'wakan.

Atas dasar sangka baik dan percaya semata-mata kepada apa yang telah disebutkan oleh tokoh-tokoh besar hadits seperti az-Zaila'i, Ibnu al-Mulaqqin dan Hafizh Ibnu Hajar para 'ulama' hadits yang datang kemudian membahaskannya.

Kata al-Albānī, “Barangkali Hafizh Ibnu Hajar telah mengisyaratkan kepada kedha’ifan hadits ini juga dengan mengatakan di dalam kitabnya ad-Dirāyah setelah mengemukakannya bahawa: “Ia lebih elok daripada yang sebelumnya”.

Kerana itulah juga agaknya Imam asy-Syafi’e di dalam al-Umm berkata sebelum mengemukakan atsar `Umar yang diriwayatkannya di atas:

وَلَا أَكْرَهُ الْمَاءَ الْمُشْتَمَسَ إِلَّا مِنْ جَهَةِ الطَّبِّ

Bermaksud: Aku tidak melarang daripada (/memakruhkan penggunaan) air musyammas melainkan dari sudut perubatan (kesihatan).”

Ertinya ialah beliau tidak menganggap larangan itu sebagai larangan keagamaan (كراهة) tetapi atas dasar kebaikan dan kemaslahatan duniawi (نهى إرشادي, شرعية) semata-mata sebagai langkah bercermat.

Kata az-Zarkasyi, “الكراهة (larangan) kadang-kadang digunakan sebagai larangan keagamaan (شرعية). Kadang-kadang pula إرشادية (atas dasar kebaikan dan kemaslahatan duniawi semata-mata). Seperti larangan (كراهة) Nabi s.a.w. terhadap Shuhaib daripada memakan buah tamar ketika beliau sedang mengalami sakit mata, dan larangan (كراهة) daripada menggunakan air musyammas menurut satu pandangan. (Lihat al-Mausū’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah j.34 m/s 221).

(10) Mulla `Ali al-Qāri di dalam Mirqāt Syarḥ al-Misykāt berkata, “Ketahuilah bahawa menggunakan air musyammas itu makruh menurut pendapat yang ashaḥ daripada mazhab Syafi’e. Tetapi menurut pendapat yang terpilih di sisi tokoh-tokoh muta’akakhirīn mazhab Syafi’e ialah tidak makruh, dan itulah mazhab tiga lagi imam (Abu Hanifah, Malik dan Ahmad). (Lihat Mirqāt Syarḥ al-Misykāt j.2 m/s 459).

Perkara yang sama juga telah disebut oleh pengarang Mir’āt al-Mafātīḥ Syarḥ Misykāt al-Mashābīḥ (Lihat j.2 m/s 187), tetapi dengan mentarjikhkan pendapat yang mengatakan tidak makruh, atas alasan tidak ada satu pun hadits sahih daripada Nabi s.a.w. Di samping adanya pula qaedah fiqh yang menyebutkan asal segala perkara ialah harus (الأصل الإباحة) selagi tidak ada dalil sahih daripada Syara’ yang menegah dan melarangnya.

(11) Oleh kerana tiada hadits mahupun atsar yang sahih melarang penggunaan air musyammas, dan kalau ada pun, hanyalah dengan menyebut akibat buruk daripadanya iaitu ia mengakibatkan penyakit sopak, maka kebanyakan 'ulama' mempertikaikannya. Para 'ulama' dalam mazhab Syafi'e sendiri telah menolak hukum makruh yang disimpulkan daripadanya. Antara mereka ialah Imam an-Nawawi, ar-Rūyāni, Ibnu al-Mulaqqin dan lain-lain.

An-Nawawi bahkan berkata, "Tiada asal langsung bagi hukum makruh menggunakan air musyammas."

(12) Ibnu al-Mulaqqin setelah mengemukakan semua hadits-hadits dan atsar-atsar tentang air Musyammas dan membincangkannya secara terpertinci di dalam al-Badru al-Munīr, telah membuat kesimpulan bahawa semua larangan menggunakan air musyammas yang tersebut di dalam hadits-hadits atau atsar-atsar' adalah karut (باطل) dan tidak sahih. Tidak halal kepada sesiapa pun menjadikannya sebagai hujah.

Ibnu al-Jauzi tidak cuai dalam penisbahan hadits 'Aaishah dan Anas kepada maudhu'. Al-Baihaqi di dalam as-Sunannya juga berkata, "Ia tidak sahih." Di dalam al-Ma'rifah pula beliau berkata, "Ia tidak tsabit sama sekali."

Di dalam Tuḥfatu al-Muḥtāj pula Ibnu al-Mulaqqin berkata, "Aku tinggalkan semua hadits itu kerana kedha'ifannya, bahkan kerana kepalsuannya." (Tuḥfatu al-Muḥtāj j.1 m/s 140-141).

(13) Bukan seorang dua 'ulama' hadits yang telah menghukum hadits contoh pertama di atas dan hadits-hadits lain seumpamanya sebagai maudhu'. Ibnu al-Jauzi (di dalam al-Maudhū'āt j.2 m/s 78-80), Ibnu Taimiyyah (di dalam Minhāj as-Sunnah j.7 m/s 429-430), Muhammad bin 'Abdil Hādi al-Ĥambali (di dalam Jumlatun Min al-Aḥādīth ad-Dha'īfah m/s 4), Ibnu al-Mulaqqin (di dalam Tuḥfatu al-Muḥtāj j.1 m/s 140-141), asy-Syaukāni (di dalam al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 8) dan adz-Dzahabi (di dalam Siyar A'lām an-Nubalā' j.3 m/s 147) adalah antara tokoh hadits yang telah menghukumnya sebagai maudhu'.

(14) Salah satu tanda hadits itu tidak sahih bahkan maudhu' ialah adanya penggunaan seruan يا حميراء oleh Rasulullah s.a.w. terhadap 'Aaishah di dalamnya. Menurut para 'ulama' hadits hanya ada satu sahaja hadits sahih dengan seruan seperti itu. Lihat Usul

ke-16 di dalam jilid pertama buku ini sekali lagi untuk mendapat keterangan yang lebih tentangnya.

(15) Hari ini di serata dunia termasuk di Malaysia, tangki air diperbuat daripada bermacam-macam bahan, dari besi hingga plastik dan lain-lain. Ia diletakkan pula di tempat yang tinggi seperti puncak rumah dan bangunan, air yang ditakungnya seringkali menjadi sangat panas kerana begitu lama terdedah kepada kepanasan sinaran matahari, namun begitu ia tetap digunakan oleh semua orang, dan tidak pula kedengaran di mana-mana pun munculnya penyakit sopak di kalangan mereka kerana menggunakan air itu!

(16) Dari dahulu lagi para doktor menyangkal adanya penyakit sopak disebabkan penggunaan air musyammas. Itulah sebabnya an-Nawawi, Mulla `Ali al-Qāri dan lain-lain mengatakan:

ولم يثبت عن الأطباء فيه شيء

Bermaksud: Tidak tsabit daripada para doktor suatu apa pun tentangnya (air musyammas). (Lihat al-Majmū` Syarh al-Muhaddzab j.1 m/s 87, Mirqāt al-Mafātiḥ j.2 m/s 459).